



# LAPORAN 2023 TAHUNAN

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH





# LAPORAN 20 TAHUNAN 23

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



## **MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH LAPORAN TAHUNAN 2023**

Laporan Tahunan Majlis Daerah Perak Tengah Tahun 2023

### **DITERBITKAN OLEH UNIT KORPORAT DAN PELANCONGAN**

Majlis Daerah Perak Tengah  
Kompleks Majlis Daerah Perak Tengah  
32610 Seri Iskandar

MDPT tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Daerah Perak Tengah. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau apa-apa tujuan pemiagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Perak Tengah.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:


### **UNIT KORPORAT DAN PELANCONGAN**

Majlis Daerah Perak Tengah  
Kompleks Majlis Daerah Perak Tengah  
32610 Seri Iskandar

Tel : +605-3712088  
Fax : +605-3712089  
[www.mdpt.gov.my](http://www.mdpt.gov.my)

# LAPORAN TAHUNAN

20  
23



**MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH**

# ISI KANDUNGAN

## PENGENALAN

Perutusan Yang Dipertua .....	01
-------------------------------	----

## PROFIL KORPORAT

Sejarah Penubuhan MDPT .....	02
Latar Belakang .....	03
Kawasan Pentadbiran MDPT .....	04
Visi, Misi, & Objektif .....	05
Senarai Ahli Majlis Daerah Perak Tengah .....	06
Carta Organisasi .....	07 - 08
Barisan Kepimpinan MDPT .....	09 - 10
	11

## LAPORAN JABATAN

Jabatan Khidmat Pengurusan .....	12 - 13
Unit Teknologi Maklumat .....	14 - 18
Jabatan Perbendaharaan .....	19 - 20
Jabatan Perancangan Pembangunan .....	21
Jabatan Kejuruteraan & Unit Bangunan .....	22
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta .....	23
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan Awam .....	24 - 25
Unit Pusat Setempat (OSC) .....	26 - 31
Unit Perkhidmatan Awam & Hal Ehwal Komuniti .....	32 - 33
Unit Undang - Undang .....	34
Unit Penguatkuasa .....	35 - 44

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua penerbitan Buku Laporan Tahunan 2023 Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) dapat direalisasikan. Justeru, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas komitmen tidak berbelah bagi yang telah diberikan oleh setiap warga kerja Majlis Daerah Perak Tengah dalam menjayakan pelbagai perancangan dan program untuk mencapai kejayaan demi kejayaan sehingga terhasilnya Buku Laporan Tahunan ini.


Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih terhadap semua petugas barisan hadapan Majlis Daerah Perak Tengah yang bertungkus-lumus dalam usaha untuk menjayakan setiap perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan komitmen dan dedikasi seluruh warga MDPT. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga MDPT.


Laporan ini mengandungi rujukan bagi fungsi setiap jabatan, pencapaian prestasi, rangkuman aktiviti, kemajuan pembangunan serta perancangan masa depan sejajar dengan visi Majlis Daerah Perak Tengah. Akhir kata, saya amat berharap dan percaya agar prestasi cemerlang ini perlu diteruskan bersama dalam melangkah ke hadapan bagi memastikan MDPT ke arah prestasi yang kita mahukan dan dapat dikekalkan malah dijadikan pemangkin untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang.

## **ZAIRINA BINTI NOORDIN, PMP., AMP**

Yang Dipertua

Majlis Daerah Perak Tengah





# PROFIL KORPORAT



## SEJARAH PENUBUHAN

Majlis Daerah Perak Tengah telah ditubuhkan pada 1 Disember 1979 iaitu setelah diluluskan penubuhannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam perjumpaan Bil. 936 bertarikh 20 November 1979. Penubuhan Majlis Daerah Perak Tengah ini selaras dengan penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan seluruh Malaysia.

Dengan tertubuhnya Majlis Daerah Perak Tengah ini, maka terhapuslah dua penguasa tempatan yang wujud sebelum ini iaitu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Parit (LPKT) dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Luar Bandar (LLB).

Dengan kenaikan taraf Menjadi Majlis Daerah Perak Tengah, maka kawasan yang tersebut adalah jauh lebih luas iaitu 9308 hektar. kawasan adoption seluas 5978 hektar sementara kawasan operasi seluas 3330 hektar bagi kawasan-kawasan berikut:-



**KELUASAN DAERAH PERAK TENGAH**

**127,946 hektar.**

Kawasan	Keluasan (Hektar)
Parit	512
Tanjung Belanja	84
Buluh Akar	32
Bota Kanan	250
Titi Gembong	688
Seri Iskandar	1,430
Kampung Gajah	334
<b>Jumlah</b>	<b>3,330</b>

# KAWASAN PENTADBIRAN

## MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



**PECAHAN  
MUKIM**

**11 MUKIM**

Kenaikan taraf dan pembesaran kawasan ini adalah merupakan satu perkara yang wajar, kerana dengan cara ini saja segala bentuk kemudahan bandar atau ciri-ciri perbandaran dapat diperkenalkan dan dinikmati di peringkat luar bandar.

Pentadbiran Majlis Daerah Perak Tengah juga telah berpindah dari Pekan Parit ke Pusat Pentadbiran Bandar Baru Seri Iskandar pada 14 September 1993. Oleh itu adalah diharapkan pentadbiran ini dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti



**KAWASAN KAWALAN**  
27,913 hektar

**KAWASAN OPERASI**  
15,701 hektar

- |                                  |                                |
|----------------------------------|--------------------------------|
| <b>1</b> Parit                   | <b>5</b> Seri Iskandar         |
| <b>2</b> Simpang Tiga Buluh Akar | <b>6</b> Titi Gantung          |
| <b>3</b> Tanjung Belanja         | <b>7</b> Kampong Gajah         |
| <b>4</b> Bota                    | <b>8</b> FELCRA Soberang Perak |

# VISI, MISI DAN OBJEKTIF

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



## VISI

Menjadi PBT terunggul berteraskan Perbandaran Bestari

---



## MISI

- Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien dengan berteraskan kepada urustadbir yang berintegriti.
  - Mewujudkan perbandaran dan persekitaran yang mampan, dinamik, kondusif dan berdaya saing.
  - Mempelbagaikan sumber hasil untuk memantapkan urustadbir dan perkhidmatan kepada masyarakat
- 



## OBJEKTIF

- Merealisasikan perbandaran beridentiti melalui jalinan kerjasama dan perkongsian pintar
  - Merancang dan melaksana perkhidmatan yang berkualiti, proaktif dan realistik ke arah persekitaran perbandaran yang harmoni
  - Melaksana dan menguatkuasa pembangunan mengikut polisi dan garis panduan yang ditetapkan
  - Memantapkan dan mengurus sumber hasil dalam mengoptimalkan pengurusan kewangan
  - Menambahbaik dan memperkukuhkan keupayaan organisasi untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan
-

# AHLI MAJLIS

## MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

PUAN ZAIRINA BINTI NOORDIN



CLR. ZILAWATI AIZURA BINTI USAILI

CLR. MOHD AMIN BIN ABD HADI



CLR. NORAZIAH BINTI ZAKARIA

CILR. HAJI MIOR SHAHRIN BIN MIOR MOHAMAD YUSOP



CLR. MOHAMAD RUKHAIRIL AIZAT BIN MOHAMAD MAHARANI

CILR. AHMAD ZABIDI BIN ABDUL SAMAD



CLR. AHMAD MUSTAFA BIN HASHIM

CILR. MOHAMED SHAFIAI BIN YAHYA



CLR. KHAIRUDDIN BIN KADRI

CILR. ZAITUN BINTI ISMAIL



CLR. SHAMSUDDIN BIN YUSOF

CILR. ABDUL FATAH BIN AHMAD DOM



CLR. AHMAD TARMIZI BIN MOHD JAM

CILR. MUHAMMAD FIRDAUS BIN OTHMAN



CLR. NURAZLINA BINTI YA'ACOB



# KETUA JABATAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



## **YANG DIPERTUA**

*PUAN ZAIRINA BINTI NOORDIN*

## **SETIAUSAHA**

*ENCIK MOHD AINURRIDHA BIN AHMAD MAJDI*



## **KETUA JABATAN PERBENDAHARAAN**

*CIK NOR ALIA BINTI MUZAMUDDIN*



## **KETUA JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

*ENCIK MOHD HAZWAN BIN AHMAD DAMANHURI*



## **KETUA JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**

*ENCIK MOHD AZMI BIN ZAINUDDIN ZAINAL ABIDIN*



## **KETUA JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**

*ENCIK KAMARUL IZHAM BIN SAMSUDIN*



## **KETUA JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

*CIK NIKMATUN YUSRO BINTI YANG RAZALI*



## **KETUA JABATAN KEJURUTERAAN**

*ENCIK MOHD FADHLAN BIN TAJUDIN*



## **KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT**

*ENCIK MUHAIMI BIN MOHAMED*



## **KETUA UNIT KORPORAT DAN PELANCONGAN**

*ENCIK AZRUL NIZAM BIN MD RADZI*




## **KETUA UNIT UNDANG-UNDANG**

*PUAN NURUL FATIMAH BINTI BASRI*



# CARTA ORGANISASI

## MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**JABATAN  
KHIDMAT  
PENGURUSAN**

## **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**



Perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi :

- Menguruskan pengiktirafan pegawai menerusi Laporan Nilain Prestasi (LNPT), Kenaikan pangkat dan pemangkuhan serta urusan penganugerahan.
- Menguruskan tatatertib dan pengisytiharan harta pegawai
- Menguruskan program kualiti, program keutuhan dan integriti meningkatkan kompetensi dan keupayaan pegawai dan organisasi.
- Menguruskan hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan
- Menyelaras dan menguruskan rekod / data perjawatan Jabatan termasuk pengkalan data Sistem Maklumat Pengurusan Personel berdasarkan pelaksanaan HRMIS oleh JPA.

## **PENGURUSAN SISTEM HRMIS**

Sistem Maklumat Sumber Manusia atau HRNIS telah dilaksanakan di MDPT mulai tahun 2010. Pada Tahun 2021, terdapat 6 modul yang telah dilaksanakan oleh MDPT dan pencapaian setiap modul adalah 100 peratus. Modul HRMIS yang telah dilaksanakan adalah Modul Data Perjawatan, Pengurusan Rekod Peribadi, Pengurusan Saraan Faedah dan Ganjaran (Cuti), Penamatan Perkhidmatan, Pengurusan Prestasi, Perisytiharaan Harta, Profil Perkhidmatan, Pengurusan Perubatan dan Pengurusan Perhubungan Majikan dan Pekerja.

## **BAHAGIAN PENTADBIRAN AM**

Unit ini bertindak sebagai urus setia terhadap semua urusan Majlis. Ia berperanan di dalam menyelaras kerja-kerja yang berkaitan di antara Jabatan-Jabatan di dalam Majlis. Di antara tugas-tugas yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- Urus setia Mesyuarat Penuh Majlis dan Pengurusan.
- Pengurusan Sistem Fail
- Pengurusan Insuran Kenderaan, Harta Benda dan tanggungannya
- Menguruskan surat menyurat
- Pengurusan kemudahan dan peralatan kakitangan

GED	JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>				
<b>WARAN PERJAWATAN: SKP BIL. P97/2019</b>				
52 (T)	YANG DIPERTUA (TERBUKA)	1	1	0
N48	SETIAUSAHA, PEGAWAI TADBIR	1	1	0
N41/N44	PEGAWAI TADBIR	5	5	0
<b>JUMLAH KUMPULAN</b>		<b>7</b>	<b>7</b>	<b>0</b>

<b>PELAKSANA</b>				
<b>WARAN PERJAWATAN: SKP BIL. P97/2019</b>				
JA36/JA38	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA	1	0	1
JA29/30/JA36/JA38	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA	3	3	0
JA29/JA36/JA38	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	2	2	0
FA29/FA32/FA38 (KUP)	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19	1	1	0
JA29/30/JA36/JA38	PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA	2	2	0
U29/U32/U36	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	1	1	0
W29/W32/W36 (KUP)	PENOLONG AKAUNTAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29	1	1	0
N29/N32/N36	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	4	4	0
W29/W32/W36 (KUP)	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19	1	1	0
KP22/KP26	PEMBANTU PENGUATKUASA	1	1	0
N22/N26	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	1	1	0
G19/G22/G26 (KUP)	PEMBANTU PERTANIAN, JAWATAN JUMUD, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, GRED JA29	1	1	0
KP19/KP22/KP26	PEMBANTU PENGUATKUASA	6	5	1
N19/N22/N26	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	18	18	0
H14/H16	PEMBANTU AWAM	1	1	0
N11/N14/N16 (KUP)	PENGHANTAR NOTIS, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU OPERASI, GRED N11	1	1	0
N11/N14/N16	PEMBANTU OPERASI	3	3	0
H11/H14/H16	PEMANDU KENDERAAN	12	12	0
H11/H14/H16	PEMBANTU AWAM	41	39	2
<b>JUMLAH KUMPULAN</b>		<b>101</b>	<b>97</b>	<b>4</b>
<b>JUMLAH JABATAN</b>		<b>108</b>	<b>104</b>	<b>4</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>108</b>	<b>104</b>	<b>4</b>

## LAPORAN AKTIVITI

### KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN SIRI 1/2023

10 - 12 FEBRUARI 2023 • SELAMA INN@RUMAH REHAT SELAMA



### MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH BAGI SESI 2023-2024

28 FEBRUARI 2023 • BILIK MESYUARAT DATO' SAGOR



### INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

9 Jun 2023 • BILIK MESYUARAT DATO' SAGOR



### MAJLIS JASAMU DIKENANG - TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

14 SEPTEMBER 2023 • GRAND BALLROOM D'HOTEL SERI ISKANDAR



**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**JABATAN  
PERBENDAHARAAN**

# JABATAN PERBENDAHARAAN

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



Jabatan Perbendaharaan adalah jabatan yang bertanggungjawab bagi segala urusan kewangan dan perakaunan Majlis Daerah Perak Tengah yang meliputi aspek kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan perakaunan. Terdapat 4 bahagian di Jabatan Perbendaharaan iaitu:-

1. Bahagian Hasil
2. Bahagian Pembayaran
3. Bahagian Akaun
4. Bahagian Aset

## **OBJEKTIF**

Menguruskan kewangan Majlis dan bertanggungjawab memastikan semua kutipan hasil dan perbelanjaan Majlis direkodkan serta dilaksanakan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Akta Acara Kewangan.

## **FUNGSI**

- Melaksanakan kutipan hasil dan pembayaran serta mengakaunkan hasil dan perbelanjaan mengikut peraturan kewangan dan perakaunan.
- Menyelenggarakan akaun dan rekod dengan lengkap dan kemaskini bagi pengurusan kewangan dan tujuan pengauditan.
- Melaksanakan Sistem ePBT, Sistem eAset dan Sistem Pengurusan Stok.
- Menguruskan penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan.
- Menguruskan Penyediaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menguruskan proses perolehan pembelian bekalan.
- Menguruskan pengurusan aset dan inventori Majlis meliputi pendaftaran, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan.

## PENDAPATAN TAHUN 2022

**01** Hasil Cukai  
RM9,087,716

**02** Hasil Bukan Cukai  
RM2,827,109

**03** Terimaan Bukan Hasil  
RM1,868,770

**RM13,783,595**

## PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan MDPT telah menggunakan Sistem ePBT dimana semua pelaporan pengurusan kewangan dijana menggunakan system berkomputer tersebut.

Pada tahun 2022, MDPT telah memperuntukkan sebanyak RM14,475,691 bagi perbelanjaan mengurus dan anggaran penerimaan adalah sebanyak RM14,476,866. Penerimaan sebenar tahun 2022 adalah sebanyak RM13,783,595 manakala perbelanjaan mengurus sebenar tahun 2021 adalah RM12,732,805.

Pada tahun 2022 MDPT mengalami lebihan penerimaan sebanyak RM1,050,790.

## PERBELANJAAN TAHUN 2022

**01** Emolumen  
RM5,416,200

**02** Perkhidmatan & Bekalan  
RM5,855,334

**03** Aset  
RM816,867

**04** Pemberian & Kenaan bayaran Tetap  
RM486,084

**05** Lain-lain  
RM158,320

**JUMLAH KESELURUHAN**  
**RM12,732,805**

**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**JABATAN  
PERANCANGAN  
PEMBANGUNAN**

# JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

## FUNGSI JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

- Merancang dan memangkinkan pembangunan tempatan supaya lebih berdaya maju dan sejajar dengan pembangunan Negara ;
- Merancang dan mengawal pembangunan selaras dengan maklumat-maklumat terkini dan dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada tanpa mengabaikan pembangunan sosial ;
- Merancang dan mengawal pembangunan selaras dengan maklumat-maklumat terkini dan dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada tanpa mengabaikan pembangunan sosial ;
- Menyusun dan mengawal pembangunan berdasarkan Akta 172, Akta 171, Akta 133, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan polisi semasa Majlis serta mematuhi keperluan matlamat yang telah ditetapkan bagi Majlis Daerah Perak Tengah ;
- Mengurus dan menyelaras penyediaan dan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040, Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 dan Pelan Tindakan Bandar Pintar Dan Hijau Seri Iskandar 2030 ;



- Menyemak dan memperakui ulasan bagi tatatur untuk kebenaran pembangunan tanah, permohonan tanah kerajaan kepada PTC dan permohonan pecah sempadan, penyatuan tanah dan tukar syarat tanah yang diterima melalui PTC/Jabatan yang Berkaitan ;
- Memastikan nama-nama jalan, bangunan dan skim pembangunan dinamakan dengan betul berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ;
- Menyediakan ulasan perancangan dari segi aspek Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan ;
- Membangunkan serta mengemaskini data geographical information system (GIS) ;
- Menyelia dan mengemaskini inventori tanah-tanah rizab kemudahan, kawasan lapang dan tanah milik/rezab MDPT ;
- Melaksanakan Program MURNInet dan Penarafan Bintang untuk MDPT ;

## FUNGSI UNIT LANDSKAP



Persiapan pertandingan Hari Landskap Negara 2023 di Taman Dr Senivasagam, Ipoh pada 06.03.2023 hggg 12.03.20.2023



Pemangkasan Pokok di Taman Puncak Iskandar pada 10.7.23



Penyelenggaraan pokok di bersebelahan tasik Iskandar pada 26.7.23

- Merancang dan melaksanakan pembangunan kawasan majlis dengan tumpuan kepada pembangunan yang berorientasikan kepada pemuliharaan alam sekitar dan mewujudkan masyarakat Bandar yang seimbang dan harmoni;
- Merancang dan melaksanakan pembangunan landskap yang cantik dan berkualiti bagi memenuhi keperluan kehidupan masyarakat kearah mewujudkan keadaan persekitaran yang bersih indah dan menarik;
- Memelihara kawasan landskap di dalam kawasan Majlis Daerah Perak Tengah supaya kelihatan indah, ceria dan selamat ;
- Menanam pokok-pokok teduhan dan pokok renek bagi memastikan keindahan dan keceriaan kawasan majlis Daerah Perak Tengah ;
- Kerja-kerja inventori pokok-pokok teduhan dan pokok renek di dalam kawasan MDPT ;
- Kerja-kerja persiapan landskap dan dewan-dewan MDPT bagi program dan aktiviti peringkat Jabatan dan Daerah ;
- Menerima dan menyelesaikan aduan awam berkaitan pokok teduhan yang perlu pemangkasan dan pokok tumbang ; dan
- Memastikan landskap sedia ada dijaga dengan rapi seperti kerja-kerja pemangkasan pokok, membaja, menyiram dan menggembur untuk mewujudkan suasana landskap yang indah, bersih dan selamat.

## AKTIVITI UNIT LANDSKAP



*Peyelenggaraan Taman Awam Tuntong pada 06.08.23*



*Penyelenggaraan meracun sekitar Pekan Parit, Tanjong Belanja dan Taman Maju pada 11.08.23*

## AKTIVITI UNIT LANDSKAP



Penyelenggaraan pokok di simpang empat bota Jalan Ipoh – Lumut pada 14.08.23 ▲



Penyelenggaraan meracun di atas divider Bota kira dan Kanan Jalan Ipoh Lumut, pada 15.08.23



Penyelenggaraan pokok di Jalan Teknologi I pada 17.08.23 ▲

## AKTIVITI UNIT LANDSKAP



*Penebangan pokok di jalan Sultan Iskandar Shah pada 12..10.23*



*Kerja-kerja Pembersihan Pokok di Jalan Puncak Iskandar, pada 14..09.23*



*Persiapan Program Festival Makanan dan Permainan Tradisional di Dataran LA 21 pada 27.10.23*

**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**JABATAN  
KEJURUTERAAN**

## JABATAN KEJURUTERAAN

- Memastikan semua pembangunan yang dilaksanakan mengikut Dasar-dasar Semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- Merancang dan melaksanakan semua projek pembangunan dikawasan Majlis untuk kesejahteraan dan pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan. Diantara projek pembangunan yang dilaksanakan ialah:-
  - Infrastruktur (Jalan, longkang, lampu jalan)
  - Sosio-Ekonomi(Pasar, Gerai, Kompleks Niaga, Bengkel)
  - Kemudahan Sosial (Stesyen bas, Kemudahan Rekreasi, Alat permainan)
- Melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan ke atas premis- premis milik Majlis serta Infrastruktur dan kelengkapan kemudahan awam.
- Mendaftar dan merekod semua jalan-jalan baru di kawasan Majlis untuk dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya bagi mendapatkan peruntukan MARRIS (Geran Senggaraan Jalan).
- Memberi ulasan dan menyediakan laporan untuk kelulusan bagi permohonan Pelan Kerja tanah /Pelan Jalan dan Perparitan kepada Jabatan Pusat Setempat(OSC) Majlis Daerah Perak Tengah.

## UNIT BANGUNAN

Objektif utama Jabatan adalah untuk memastikan dan menyelaraskan semua bentuk pembangunan fizikal bagi kawasan-kawasan di dalam penguasaan Majlis Daerah Perak Tengah dan kawasan persekitaran yang mana di bawah kawalannya supaya:

- Dibina secara teratur,
- Terancang dan seimbang menepati matlamat pembangunan Majlis,
- Mematuhi segala polisi Majlis
- Mematuhi Undang-Undang Kecil yang bersangkutan,
- Mempunyai tahap keselamatan yang baik, selesa untuk didiami dan bersih
- Mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sempurna dan berkualiti.

## LAPORAN PRESTASI PROJEK TAHUN 2023



PECAHAN PROJEK	JUMLAH PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN RM	KOS PROJEK RM
PROJEK BP1	44	3,921,500.00	3,798,724.28
PROJEK P07	6	517,370.00	494,013.10
PROJEK EPU	2	1,000,000.00	953,867.20
PROJEK MOTAC	1	250,000.00	242,183.70
<b>JUMLAH KESELURUHAN:</b>	<b>53</b>	<b>4,438,870.00</b>	<b>4,292,737.38</b>

## LAPORAN BERGAMBAR PRESTASI PROJEK PELANCONGAN

### TAJUK PROJEK:

Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Jeti Pelancongan Dan Kerja Yang Berkaitan Bagi Projek Infrastruktur Kawasan Pelancongan Bagi Tahun 2024 Dan Kerja Berkaitan Di Pekan Parit.



### TAJUK PROJEK:

Menaiktaraf Dataran Parkir Kenderaan Dan Kerja Yang Berkaitan Di Dataran Nordin, Parit



**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**JABATAN  
PENILAIAN  
& PENGURUSAN  
HARTA**

# JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

- Menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas semua pegangan milik individu, swasta, kerajaan dan Badan-badan Berkanun bagi tujuan Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK).
- Memastikan bil-bil Cukai Taksiran dikeluarkan ke atas semua pegangan, mengeluarkan Notis E ke atas pegangan yang mempunyai tunggakan dan seterusnya mengeluarkan Waran F (sitaan) kepada pemilik / pembayar yang gagal menjelaskan notis tunggakan.
- Menjalankan kerja-kerja Penilaian Semula bagi tujuan menyediakan suatu Senarai Nilai yang baru dan dinilai selaras dengan Aras Nilai Semasa (Tone of List).
- Membuat Pindaan Senarai Nilai bagi bangunan-bangunan baru / tambahan.
- Menyediakan Kadar Taksiran Tahunan bagi tujuan Cukai Taksiran.
- Membuat kajian atau siasatan ke atas kawasan yang berpotensi untuk dimasukkan dalam kawasan Majlis serta berusaha dalam menangani masalah yang berbangkit dalam menjalankan kerja-kerja di atas.
- Memastikan harta-harta majlis/ aset tak alih dijaga dan diselenggara dengan baik serta memantau aktiviti perniagaan penyewa.
- Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan keatas penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan sewaan melebihi 3 bulan.

## LAPORAN KUTIPAN TAHUN 2023 & 2022

TAHUN	CUKAI TAKSIRAN (RM)	KUTIPAN (RM)	PERATUS KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (%)
2023	5,544,580.40	3,922,805.10	71
2022	4,890,414.10	3,527,923.44	72

## LAPORAN KUTIPAN TAHUN 2023 & 2022



## LAPORAN KUTIPAN TUNGGAKAN TAHUN 2023 & 2022

TAHUN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM)	KUTIPAN TUNGGAKAN (RM)	PERATUS KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (%)
2023	4,331,568.73	1,713,215.72	40
2022	4,541,112.22	1,582,782.73	35



## PENYEWAAN HARTA-HARTA MAJLIS

JENIS HARTA	KUTIPAN HASIL SEWA 2023 (RM)	HASIL SEBENAR (RM)	PERATUS ENCAPAIAN (%)
Bangunan Kediaman	3,456.00	3,816.00	91%
Bangunan Perusahaan	19,160.00	38,490.00	50%
Bangunan Perniagaan	269,681.80	313,140.38	86%
Perhentian Bas/ Teksi	12,706.00	17,802.00	71%
Sewa Gerai	148,511.00	178,773.00	83%
Meja Pasar Awam	6,300.00	11,262.00	56%
Lain-lain	17,190.00	26,820.00	64%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>477,004.80</b>	<b>590,103.38</b>	<b>81%</b>

Jabatan ini melalui Unit Pengurusan Harta bertanggungjawab untuk menguruskan sewaan bagi harta-harta milik Majlis Daerah. Pendapatan yang Majlis Daerah perolehi hasil daripada kutipan sewa ini pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM477,004.80**

## SENARAI PREMIS-PREMIS MAJLIS

BIL	NAMA HARTA	LOKASI	BILANGAN PREMIS (UNIT)
1	GERAI 28 UNIT ,BAZAAR CEMPAKASARI	PARIT	28
2	KIOSK 4 UNIT,BAZAAR CEMPAKASI	PARIT	4
3	GERAI JALAN BELANJA	PARIT	8
4	GERAI PERHENTIAN BAS PARIT	PARIT	12
5	GERAI 12 UNIT MEDAN SELERA PARIT	PARIT	12
7	GERAI DALAM PASAR	PARIT	16
8	GERAI 3 PINTU TAMAN SERI ARA	PARIT	3
9	RUMAH KEDAI CEMPAKASARI	PARIT	4
10	KEDAI PEJABAT 12 UNIT SERI ISKANDAR	SERI ISKANDAR	12
11	BENKEL 6 UNIT SERI ISKANDAR	SERI ISKANDAR	6
12	KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT	SERI ISKANDAR	3
13	RUMAH KEDAI DESA SERI ISKANDAR	SERI ISKANDAR	8
14	TAPAK TEKSI SERI ISKANDAR	SERI ISKANDAR	1
15	KIOSK TERMINAL BAS SERI ISKANDAR	SERI ISKANDAR	9
16	RESTORAN TERMINAL BAS SERI ISKANDAR	SERI ISKANDAR	1
17	MEDAN SELERA BOTA KANAN	BOTA KANAN	11
18	GERAI DALAM PASAR BOTA KANAN	BOTA KANAN	6
19	KEDAI PEJABAT 2 UNIT	BOTA KANAN	4
20	KAUNTER BAS BOTA KANAN	BOTA KANAN	2
21	RUMAH KEDAI 5 UNIT BOTA KANAN	BOTA KANAN	5
22	MEDAN SELERA KG GAJAH	KG GAJAH	21
23	RUMAH REHAT KG GAJAH	KG GAJAH	1
24	KOMPLEKS PERNIAGAAN KG GAJAH	KG GAJAH	1
25	RUANG NIAGA KG GAJAH	KG GAJAH	1
26	GERAI BUAH-BUAHAN KG GAJAH	KG GAJAH	9
27	GERAI AMANJAYA TERBUKA	KG GAJAH	8
28	GERAI AMANJAYA TERTUTUP	KG GAJAH	4
29	BENKEL 4 UNIT KG GAJAH	KG GAJAH	4
30	KEDAI 3 UNIT PULAU 3	KG GAJAH	3
31	KEDAI DESA KG GAJAH	KG GAJAH	8
32	BENKEL 9 UNIT SG RANGGAM	KG GAJAH	9
33	MEJA PASAR PARIT	PARIT	33
34	MEJA PASAR BOTA	BOTA KANAN	7
35	MEJA PASAR KG GAJAH	KG GAJAH	8
	JUMLAH		272

Operasi Bersepadu Premis bersama Unit Sewaan dengan Kerjasama Jabatan Perlesenan dan Unit Penguatkuasa Majlis Daerah Perak Tengah bagi Premis kawasan Parit.



**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**JABATAN  
KESIHATAN AWAM  
& PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN**

# JABATAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN PERBANDARAN

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

## FUNGSI JABATAN

- Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meningkatkan taraf penduduk dalam kawasan Majlis.
- Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.
- Menggalakkan dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.
- Mengindahkan kawasan Daerah Perak Tengah.
- Menggalakkan pertumbuhan, aspirasi dan perdagangan.
- Berusaha mencapai objektif dan aspirasi kerajaan termasuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional.




- Memastikan makanan yang dijual atau dihasilkan adalah bersih, selamat dan berkualiti.
- Mewujudkan persekitaran yang bersih, indah, selamat dan terancang.
- Menyediakan dan memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- Memastikan kawasan operasi MDPT terhindar dari segala pencemaran terutama aspek sisa pepejal, pembangunan yang boleh menyebabkan kesihatan awam terancam.
- Mengawalselia prestasi syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam



## PENGGREDAN PREMOS MAKANAN



Pemeriksaan dan penggredan premis makanan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan penyediaan makanan oleh pengusaha premis makanan di sekitar kawasan operasi MDPT dan seterusnya bagi mencegah berlakunya kejadian penyakit bawaan makanan seperti Keracunan Makanan, Demam Kepialu, Taun, Disentri dan Hepatitis A.



Rajah 1 : Status penggredan premis makanan

Pertambahan secara mendadak premis-premis makanan telah mengakibatkan isu berkaitan kebersihan makanan yang seringkali dibangkitkan oleh orang awam, disamping menjadi penyebab kepada berlakunya wabak penyakit bawaan makanan dan air. Justeru, dalam memastikan keselamatan dan kualiti makanan yang dijual kepada orang awam adalah pada tahap yang terbaik, sistem penggredan premis makanan diwujudkan. Sijil penarafan Gred diberikan kepada pengusaha premis makanan berdasarkan kepada tiga bentuk pengiktirafan.

PENGIKTIRAFAN PREMIS	PENARAFAN GRED	JULAT MARKAH	PEMERIKSAAN ULANGAN	
AMAT BERSIH	A	86 – 100	Selepas 2 tahun	Ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan
BERSIH	B	71 – 85	Selepas 1 tahun	
KURANG BERSIH	C	51 – 70	Selepas 6 bulan	

\*Nota: Premis yang mendapat markah 50% dan ke bawah tindakan susulan akan diadakan yang boleh membawa kepada penutupan premis.

## KAWALAN VEKTOR



Pihak Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, MDPT sentiasa memberikan kerjasama yang erat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Perak Tengah dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan hidup warga sekitar di tahap yang maksima seiring dengan pembangunan infra, sosial, rohani dan ekonomi.

## BLACK SOLDIER FLY

- Menjalankan aktiviti kawal selia terhadap konsesi kebersihan yang di lantik
- Menyelaraskan program bersama komuniti
- Menyelaraskan pengasingan sisa di punca dan kitar semula
- Melaksanakan penarafan bintang bagi tandas awam dan pengredan pasar awam
- Menyiasat aduan dan kacau ganggu berkaitan kebersihan



## PROGRAM GOTONG ROYONG SEMPENA PELANCARAN KEMPEN TANDAS BERSIH PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2023.

Program gotong royong sempena Pelancaran Kempen Tandas Bersih Pihak Berkuasa Tempatan telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua MDPT. Pada program tersebut telah diadakan gotong royong di sekitar kawasan tandas awam Medan Selera Kampung Gajah.



## BAHAGIAN PELESENAN

- Memproses dan mempertimbangkan semua permohonan lesen perniagaan dan papan iklan baru mengikut Undang-Undang Kecil yang berkaitan.
- Memproses permohonan permit perniagaan sementara, penjaja sementara, permit perayaan, permit ODC dan sebagainya.
- Memproses permohonan pembaharuan lesen. Memproses permohonan lesen iklan sementara.
- Memastikan semua perniagaan di kawasan majlis mematuhi syarat-syarat perlesenan yang di tetapkan.



AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN 2022
PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARU BERISIKO	3
PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARU TIDAK BERISIKO	196

Jadual 2: Pencapaian aktiviti pelesenan tahun 2023



Rajah 2: Pencapaian hasil kutipan pelesenan tahun 2023

**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**UNIT PUSAT  
SETEMPAT (OSC)**

# UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)


MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

## FUNGSI JABATAN

Peranan OSC adalah untuk memendekkan norma masa memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di PBT. Fungsi OSC adalah seperti berikut:

- 1 Memproses dan menyelaraskan permohonan**
  - Pelan Kebenaran Merancang
  - Pelan Bangunan
  - Pelan Jalan & Perparitan
  - Pelan Kerja Tanah
  - Pecah Sempadan & Ubah Syarat (Sek 124A KTN)
  - Penyerahan Balik dan Beri Milikan Semula (Sek 204D KTN)
  - Pelan Landskap
  - Pelan Nama Taman / Jalan / Bangunan
  - Pelan Lampu Jalan
- 2 Mengurusetia Jawatankuasa Pusat Setempat**
  - Menyelaraskan agenda dan keperluan mesyuarat
  - Menyediakan kertas perakuan permohonan pelan pemajuan, kertas dasar, kertas pemakluman dan lain-lain kertas kerja berkaitan
  - Menyelaraskan maklumbalas perkara-perkara berbangkit
  - Menyediakan laporan status/rekod permohonan berdasarkan piagam pelanggan
- 3 Menguruselia Permohonan Pelan Pemajuan**
  - Menerima dan menyemak permohonan
  - Mengedar permohonan kepada agensi untuk diproses dan ulasan
  - Memantau status permohonan
  - Menyelaraskan permohonan bagi pertimbangan Jawatankuasa Pusat Setempat
  - Mengedarkan keputusan rasmi kepada pemohon dan agensi/jabatan
- 4 Menyelaraskan Pemantauan Status Pelaksanaan Pemajuan**
  - Menerima dan mengedar Notifikasi Mula Kerja
  - Menerima, mengedar dan Menyelaraskan Notifikasi Interim
  - Menerima, mengedar dan menyelaraskan Notifikasi Akhir
  - Menerima dan mengedar pendepositan dokumen pematuhan dan penyediaan

Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Diselesaikan Daripada 01 JANUARI 2023 sehingga 31 DISEMBER 2023			
Permohonan Serentak	Kebenaran Merancang	Pelan Kejuruteraan	Pelan Bangunan
11	25	17	41
94			



Bilangan Mesyuarat	Jenis Permohonan	Bil. Permohonan	Permohonan Selesai	Selesai Dalam Piagam	Selesai Melebihi Piagam
24 Kali	Permohonan Serentak	11	11 (100.00%)	11 (100.00%)	0 (00.00%)
	Kebenaran Merancang	25	25 (100.00%)	25 (100.00%)	0 (00.00%)
	Pelan Kejuruteraan	17	17 (100.00%)	17 (100.00%)	0 (00.00%)
	Pelan Bangunan	41	41 (100.00%)	41 (100.00%)	0 (00.00%)
	<b>Jumlah</b>	<b>94</b>	<b>94 (100.00%)</b>	<b>94 (100.00%)</b>	<b>0 (00.00%)</b>

**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**UNIT KORPORAT  
& PELANCONGAN**

# UNIT KORPORAT & PELANCONGAN

## MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH


- Memastikan perkhidmatan barisan hadapan Majlis Daerah Batu Gajah sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang menerusi metodologi pengurusan pelanggan yang efisien.
  - i. Pengurusan Kaunter
  - ii. Pengendalian Panggilan Telefon.
- Menyelaras dan menjawab aduan awam selaras dengan PKPA bil.1/2009 dan mengikut prosedur pengurusan aduan pelanggan.
- Menyelaras program pembasmian kemiskinan bandar bersama agensi kerajaan yang lain;
- Bertanggungjawab mengatur promosi yang komprehensif bagi produk pelancongan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran MDPT;
- Bertanggungjawab bagi hal ehwal komuniti seperti Jawatankuasa Penduduk, Local Agenda 21;
- Bertanggungjawab menyediakan teks ucapan Yang Dipertua bagi setiap program atau acara rasmi;
- Bertanggungjawab dalam mengatur dan menyelaras lawatan-lawatan rasmi Yang Dipertua, Ahli Majlis dan anggota ke dalam dan luar negeri.

### Jumlah Aduan diterima 2023

**389**


Setiap aduan akan diberi maklum balas penerimaan aduan dalam tempoh 1 hari bekerja dan pemakluman status tindakan diambil dalam tempoh 14 hari

### Sumber Penerimaan Aduan



## JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN 2023

Bil	Bulan	* Terima	* Aduan		Dalam Tindakan		Selesai		Selesai Dalam Tempoh 15 Hari	
			Aduan	%	Dalam Tindakan	%	Selesai	%	Selesai	%
1	Januari	23	23	5.91	0	0.00	23	100.00	21	91.30
2	Februari	21	22	5.66	0	0.00	22	100.00	17	77.27
3	Mac	11	11	2.83	0	0.00	11	100.00	11	100.00
4	April	13	14	3.60	0	0.00	14	100.00	13	92.86
5	Mei	43	43	11.05	0	0.00	43	100.00	40	93.02
6	Jun	26	28	7.20	0	0.00	28	100.00	25	89.29
7	Julai	68	68	17.48	0	0.00	68	100.00	62	91.18
8	Ogos	43	44	11.31	0	0.00	44	100.00	27	61.36
9	September	40	40	10.28	0	0.00	40	100.00	28	70.00
10	Oktober	38	38	9.77	0	0.00	38	100.00	20	52.63
11	November	21	21	5.40	0	0.00	21	100.00	10	47.62
12	Disember	37	37	9.51	0	0.00	37	100.00	29	78.38
	<b>Jumlah :</b>	384	389	100.00	0	0.00	389	100.00	303	77.89



## LAPORAN AKTIVITI

### KOLOKIUUM KERAJAAN TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN (KKT PERAK 2023)

21 MAC 2023 • DEWAN BANQUET PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK



### SESI TOWN HALL BERSAMA PENDUDUK DESA SERI ISKANDAR

21 JUN 2023 • DEWAN MDPT DESA SERI ISKANDAR



### PROGRAM TURUN PADANG (TURPA) BERSAMA AHLI MAJLIS

21 JULAI 2023 • DESA PELADANG PERMAI



### PERTANDINGAN KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PIALA YAB MENTERI BESAR PERAK

26 OKTOBER 2023 • STADIUM INDRA MULIA IPOH



## LAPORAN AKTIVITI

### TURUN PADANG MELAWAT KAWASAN BANJIR KILAT DAN RIBUT

16 NOVEMBER 2023 • TAMAN ISKANDAR PERDANA



### PESTA KEMBARA CEMPAKASARI

1-3 NOVEMBER 2023 • PULAU CEMPAKASARI, PARIT



### PERTEMUAN BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK DESA DATO' SERI MAHARAJALELA DAN LAWATAN TURUN PADANG SEKITAR KAMPONG GAJAH

5 DISEMBER 2023 • DESA DATO' MAHARAJA LELA



**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**UNIT  
UNDANG-UNDANG**

# UNIT UNDANG-UNDANG

## MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

- Menyediakan dan menyemak draf Perjanjian atau Kontrak yang melibatkan Majlis Daerah Perak Tengah.
- Bertanggungjawab dalam penyediaan undang-undang baharu dan pindaan undang-undang kecil sedia ada.
- Menerima dan merekod rayuan kompaun dan pembatalan kompaun dalam tempoh 3 hari bekerja.
- Mendaftarkan kes dan menjalankan pendakwaan bagi kes atau kesalahan di bawah undang-undang yang digunapakai oleh Majlis Daerah Perak Tengah.

### AKTIVITI

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Menggubal danewartakan Undang-Undang Kecil/Perintah/Kaedah untuk digunapakai oleh Majlis.	1
2.	Menyediakan/menyemak draf perjanjian yang melibatkan Majlis.	5
3.	Penyampaian saman	50
4.	Penyelesaian rayuan kompaun di dalam Sistem Pengurusan Kompaun dan e-PBT dalam tempoh 3 hari bekerja.	50
5.	Penyelesaian pembatalan kompaun di dalam Sistem Pengurusan Kompaun dan e-PBT dalam tempoh 3 hari bekerja.	10

**LAPORAN  
TAHUNAN**

**20  
23**

**UNIT  
TEKNOLOGI  
MAKLUMAT**

# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH


## **Pengenalan**

- Unit Teknologi Maklumat merupakan unit meyelia, menyelaraskan dan menyelenggaraan semua peralatan ICT dan sistem di Majlis Daerah Perak Tengah.

## **Objektif**

- Menghubungkan jaringan komunikasi antara jabatan dalaman bangunan pentadbiran MDPT.
- Meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan lagi perkhidmatan MDPT kepada pelanggan.
- Memaksimumkan perkongsian data antara Jabatan dalam MDPT yang dapat membantu mempercepatkan sesuatu keputusan itu dibuat.
- Menjadikan kakitangan MDPT yang 100% celik computer dan menggunakan komputer dalam melaksanakan tugas harian.

## **Fungsi**

- Menjaga dan mengawal server di MDPT dalam memastikan semua pangkalan data MDPT disimpan dalam keadaan terkawal dan selamat.
  - Penyelenggara dan mengawalselia sistem ePihak Berkuasa Tempatan (ePBT) sepanjang masa.
  - Mengawalselia sistem-sistem berkomputer di MDPT.
  - Memastikan rangkaian internet dan capaian internet dapat beroperasi dengan sempurna.
  - Menjalankan kerja-kerja menyelenggaraan dan menaik taraf peralatan ICT di mana 90% daripadanya adalah dirangkaikan dengan rangkaian internet.
  - Menguruskan hal ehwal pentadbiran seperti rekod fail, pendaftaran asset, inventori dan surat-menyurat yang perlu dikemaskini.
- 

## AKTIVITI

BIL	KETERANGAN
1	Penyediaan perkakasan untuk mesyuarat secara atas talian atau program diluar kawasan pejabat MDPT.
2	Pembaharuan lesen antivirus.
3	Perolehan Sistem Bayaran dan Semakan Bil Majlis secara atas talian. ( <a href="https://ebilling.mdpt.gov.my/digitalPBT">https://ebilling.mdpt.gov.my/digitalPBT</a> )
4	Perolehan perkakasan ICT 2024
5	Pengurusan periklanan secara digital di LED Billboard MDPT
6	Memantau dan mengurus pendaftaran kontraktor G1 di dalam sistem eKontraktor ( <a href="https://ebilling.mdpt.gov.my/eKontraktor">https://ebilling.mdpt.gov.my/eKontraktor</a> )
7	Pengemaskini dan pengurusan media social dan portal MDPT
8	Menyelenggara dan pembaikan peralatan ICT di MDPT

### SISTEM EKONTRAKTOR

Sistem eKontraktor merupakan sistem pendaftaran kontraktor bagi kategori G1 dibawah Majlis Daerah Perak Tengah.



### SISTEM MDPTPay

Sistem MDPTPay merupakan sistem semakan dan pembayaran seperti Cukai Taksiran, Lesen, Sewaan, Kompaun, Cagaran dan lain-lain hasil Majlis.

### APLIKASI MYPATILBiz

Aplikasi MYPATILBiz merupakan sistem pengurusan lesen premis yang membolehkan perniaga memohon lesen dan memperbaharui lesen premis dengan menggunakan aplikasi MYPATILBiz.





# LAPORAN TAHUNAN

20  
23

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH